

Hentikan penerokaan tidak terkawal di Gunung Dulang

Oleh NUZULSHAM SHAMSUDDIN

JERANTUT – Satu lagi lokasi penerokaan hutan yang didakwa tidak terkawal dikesan berlaku di kawasan Hutan Simpan Gunung Dulang di Ulu Tembeling di sini yang menjadi antara punca utama Sungai Tembeling cetek dan keruh.

Pendedahan itu hasil tinjauan Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (Peka) bersama beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) alam sekitar dan ahli akademik di kawasan paling hulu Sungai Tembeling tersebut selama tiga hari sejak Jumaat lalu.

Berdasarkan pemerhatian, kira-kira 800 daripada 16,817 hektar kawasan hutan Gunung Dulang telah diterokai dengan aktiviti penanaman pokok kelapa sawit selepas ditebang menebang pokok-pokok hutan sejak dua tahun lalu.

Sebelum ini, kawasan Hutan Simpan Gunung Aais juga dilaporkan telah diterokai dengan kegiatan pembalakan tidak terkawal sehingga menjadi punca utama kawasan tadahan air semakin cetek disebabkan oleh hakisan tanah dan mendapan pasir.

Hutan Simpan Gunung Aais terletak kira-kira tiga kilometer dari Hutan Simpan Gunung Dulang.

Presiden Peka, Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil berkata, lokasi kawasan penerokaan Hutan Simpan Gunung Dulang hanya terletak kira-kira 10 hingga 20 meter dari anak Sungai Kambir, Sungai Kanchin, Sungai Pengau, Sungai Sepia, Sungai Neriak, Sungai Lempah dan Sungai Tekai.

Menurutnya, kesemua anak-anak sungai yang dicemari dengan hakisan tanah akibat

kegiatan penerokaan itu akan mengalir ke Sungai Tembeling sehingga menyebabkan airnya cetek dan keruh.

“Hasil tinjauan mendapati, kawasan hutan itu telah diteroka secara tidak konsisten hingga menyebabkan sungai-sungai kecil di sekitarnya menjadi sempit dan keruh.

“Selain itu, terdapat balak-balak kecil yang dihumban ke dalam sungai sehingga menyebabkan aliran sungai tersekat,” katanya kepada pemberita ketika Misi Selamatkan Hutan Tadahan Air Negara di Ulu Tembeling baru-baru ini.


Misi tersebut turut disertai Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) serta Himpunan Hijau dan Sahabat Alam Malaysia (SAM).

Selain itu, beberapa ahli akademik daripada universiti tempatan turut menyertainya seperti bekas Presiden Persatuan Alam Sekitar, Prof. Dr. Meketab Mohamed dan Timbalan Dekan Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Datin Dr. Sarimah Ismail.

Sementara itu, Pengerusi Peka Pahang, Khaidir Ahmad memberitahu, berikutan pencemaran yang berlaku di Sungai Tembeling, satu deklarasi telah diwujudkan yang dinamakan ‘Deklarasi Ulu Tembeling’ mengandungi tujuh perkara yang bertujuan untuk melindungi alam sekitar dalam jangka panjang.



SHARIFFA (kiri) menunjukkan keadaan kaki Gunung Dulang di Ulu Tembeling yang gondol akibat penerokaan hutan tidak terkawal.



PEMANDANGAN dari atas menunjukkan kawasan kaki Gunung Dulang yang gondol.



1. Memperakui kejadian air sungai cetek di Sungai Tembeling dan Sungai Pahang bukan semata-mata kerana fenomena El Nino sebaliknya turut berpunca daripada pembalakan dan pembukaan hutan.
2. Mengisytiharkan kejadian air Sungai Tembeling dan Sungai Pahang yang cetek ini sebagai 'Bencana Air Negara'.
3. Mendesak kerajaan negeri menghentikan serta-merta semua kegiatan pembalakan yang membabitkan kawasan hutan tadahan Ulu Sungai Tembeling.
4. Mendesak rancangan pembangunan ladang kelapa sawit besar-besaran di Lembah Sungai Kambir khususnya oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dihentikan segera.
5. Memperakui kegiatan pembalakan tidak terkawal di Ulu Tembeling berpunca daripada penyelewengan dan kegagalan penguatkuasaan dalam menyiasat dan mengambil tindakan tegas.
6. Memohon kerajaan negeri memperluaskan kawasan Zon Penampungan Sungai di semua kawasan pembalakan kepada minimum 50 meter pada kedua-dua belah tebing.
7. Mencadangkan pindaan Perlembagaan supaya kuasa dan tanggungjawab terhadap hutan dan sungai tidak hanya di bawah bidang kuasa kerajaan negeri sebaliknya turut diberi kepada kerajaan Persekutuan.

KERATAN Kosmo! 18 Mac 2016.